



MALAYSIA
MADANI #KitaSelangor



PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR 2024

MATEMATIK TAMBAHAN

DWIBAHASA

Iltizam Selangor Penyayang



Panel Penulis dan Penyemak

Nurbaiti binti Ahmad Zaki
Somu a/l Pantinaidu
Noor Shazwani binti Ramli
Ong Lin Lin
Norazlina binti Abd Khair
Mohd Tauhid bin Ikhsan

Menteri Besar Selangor Incorporated

MEMACU KEHIDUPAN





TUISYEN
RAKYAT

PT
RS

SELANGOR



MALAYSIA
MADANI

#KitaSelangor

TUISYEN RAKYAT SELANGOR 2024 SPM

MATEMATIK TAMBAHAN

DWIBAHASA

Iltizam Selangor Penyayang

Ditulis dan disusun oleh:

Guru Berprestasi Tinggi

Sektor Pembelajaran

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor



Menteri Besar Selangor Incorporated

MEMACU KEHIDUPAN

CIRI-CIRI EKSKLUSIF MODUL

Program Tuisyen Rakyat Selangor

- Modul ini disediakan berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi (DSKP) dan buku teks Matematik Tambahan KSSM.
- Latihan topikal disusun secara ansur maju berformatkan peperiksaan SPM terkini.
- Latihan yang padat, lengkap dan pelbagai aras merangkumi aras rendah dan sederhana juga aras tinggi yang terdiri daripada soalan bukan rutin dan KBAT.
- Guru boleh mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan mempraktikkan kaedah latih tubi berperingkat menggunakan bahan yang diberikan.
- Modul mesra pengguna dan boleh dimanfaatkan oleh semua kumpulan murid sama ada cemerlang, harapan atau galus serta membolehkan murid-murid menggunakan modul secara sendiri sebelum berbincang dengan guru.
- 1 set Kertas Model SPM dibekalkan pada akhir modul untuk memberikan gambaran sebenar peperiksaan SPM.
- Skema jawapan yang dibekalkan adalah peraturan pemarkahan terkini yang menepati piawaian Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) disediakan dalam kod QR untuk memberi panduan kepada guru dan murid.
- Penggubal modul berpengalaman luas dalam mata pelajaran Matematik Tambahan SPM terdiri dalam kalangan penulis buku teks, SISC+, Guru Cemerlang dan Jurulatih Utama Negeri.

KANDUNGAN

Senarai Rumus iv – v

Jadual Taburan Kebarangkalian Normal vi

Tingkatan 4

BAB 1	Fungsi <i>Functions</i>	1 – 9
BAB 2	Fungsi Kuadratik <i>Quadratic Functions</i>	10 – 17
BAB 3	Sistem Persamaan <i>Systems of Equations</i>	18 – 22
BAB 4	Indeks, Surd dan Logaritma <i>Indices, Surds and Logarithms</i>	23 – 28
BAB 5	Janjang <i>Progressions</i>	29 – 35
BAB 6	Hukum Linear <i>Linear Law</i>	36 – 45
BAB 7	Geometri Koordinat <i>Coordinate Geometry</i>	46 – 54
BAB 8	Vektor <i>Vectors</i>	55 – 61
BAB 9	Penyelesaian Segi Tiga <i>Solution of Triangles</i>	62 – 65
BAB 10	Nombor Indeks <i>Index Number</i>	66 – 71

Tingkatan 5

BAB 1	Sukatan Membulat <i>Circular Measure</i>	72 – 76
BAB 2	Pembezaan <i>Differentiation</i>	77 – 84
BAB 3	Pengamiran <i>Integration</i>	85 – 91
BAB 4	Pilih Atur dan Gabungan <i>Permutation and Combination</i>	92 – 97
BAB 5	Taburan Kebarangkalian <i>Probability Distribution</i>	98 – 108
BAB 6	Fungsi Trigonometri <i>Trigonometric Functions</i>	109 – 122
BAB 7	Pengaturcaraan Linear <i>Linear Programming</i>	123 – 129
BAB 8	Kinematik Gerakan Linear <i>Kinematics of Linear Motion</i>	130 – 134

Kertas Model SPM 135 – 162



**KOLEKSI
VIDEO**



JAWAPAN

rb.gy/6nmbjp

SENARAI RUMUS

Rumus-rumus berikut boleh membantu anda menjawab soalan. Simbol-simbol yang diberi adalah yang biasa digunakan.
The following formulae may be helpful in answering the questions. The symbols given are the ones commonly used.

$$1 \quad x = \frac{-b \pm \sqrt{b^2 - 4ac}}{2a}$$

$$2 \quad a^m \times a^n = a^{m+n}$$

$$3 \quad a^m \div a^n = a^{m-n}$$

$$4 \quad (a^m)^n = a^{mn}$$

$$5 \quad \log_a mn = \log_a m + \log_a n$$

$$6 \quad \log_a \left(\frac{m}{n}\right) = \log_a m - \log_a n$$

$$7 \quad \log_a mn = n \log_a m$$

$$8 \quad \log_a b = \frac{\log_c b}{\log_c a}$$

$$9 \quad T_n = a + (n-1)d$$

$$10 \quad S_n = \frac{n}{2}[2a + (n-1)d]$$

$$11 \quad T_n = ar^{n-1}$$

$$12 \quad S_n = \frac{a(r^n - 1)}{r - 1} = \frac{a(1 - r^n)}{1 - r}, r \neq 1$$

$$13 \quad S_\infty = \frac{a}{1 - r}, |r| < 1$$

$$14 \quad y = uv, \frac{dy}{dx} = u \frac{dv}{dx} + v \frac{du}{dx}$$

$$15 \quad y = \frac{u}{v}, \frac{dy}{dx} = \frac{v \frac{du}{dx} - u \frac{dv}{dx}}{v^2}$$

$$16 \quad \frac{dy}{dx} = \frac{dy}{du} \times \frac{du}{dx}$$

17 Luas di bawah lengkung
Area under a curve
 $= \int_a^b y \, dx$ atau/or
 $= \int_a^b x \, dy$

18 Isi padu kisanan
Volume of revolution
 $= \int_a^b \pi y^2 \, dx$ atau/or
 $= \int_a^b \pi x^2 \, dy$

$$19 \quad I = \frac{Q_1}{Q_0} \times 100$$

$$20 \quad \bar{I} = \frac{\sum W_i I_i}{\sum W_i}$$

$$21 \quad {}^n P_r = \frac{n!}{(n-r)!}$$

$$22 \quad {}^n C_r = \frac{n!}{(n-r)! r!}$$

$$23 \quad P(X = r) = {}^n C_r p^r q^{n-r}, p + q = 1$$

$$24 \quad \text{Min/Mean} = np$$

$$25 \quad \sigma = \sqrt{npq}$$

$$26 \quad Z = \frac{X - \mu}{\sigma}$$

27 Panjang lengkok, $s = j \theta$
Arc length, $s = r\theta$

28 Luas sektor, $L = \frac{1}{2} j^2 \theta$
Area of sector, $A = \frac{1}{2} j^2 \theta$

$$29 \quad \sin^2 A + \cos^2 A = 1$$

$$30 \quad \text{sek}^2 A = 1 + \tan^2 A$$

$$\text{sec}^2 A = 1 + \tan^2 A$$

$$31 \quad \text{kosek}^2 A = 1 + \text{kot}^2 A$$

$$\text{cosec}^2 A = 1 + \text{cot}^2 A$$

$$32 \quad \sin 2A = 2 \sin A \cos A$$

$$\sin 2A = 2 \sin A \cos A$$

$$\begin{aligned}
 33 \quad \cos 2A &= \cos^2 A - \sin^2 A \\
 &= 2 \cos^2 A - 1 \\
 &= 1 - 2 \sin^2 A
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \cos 2A &= \cos^2 A - \sin^2 A \\
 &= 2 \cos^2 A - 1 \\
 &= 1 - 2 \sin^2 A
 \end{aligned}$$

$$34 \quad \tan 2A = \frac{2 \tan A}{1 - \tan^2 A}$$

$$\begin{aligned}
 35 \quad \sin (A \pm B) &= \sin A \cos B \pm \cos A \sin B \\
 \sin (A \pm B) &= \sin A \cos B \pm \cos A \sin B
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 36 \quad \cos (A \pm B) &= \cos A \cos B \mp \sin A \sin B \\
 \cos (A \pm B) &= \cos A \cos B \mp \sin A \sin B
 \end{aligned}$$

$$37 \quad \tan (A \pm B) = \frac{\tan A \pm \tan B}{1 \mp \tan A \tan B}$$

$$38 \quad \frac{a}{\sin A} = \frac{b}{\sin B} = \frac{c}{\sin C}$$

$$\begin{aligned}
 39 \quad a^2 &= b^2 + c^2 - 2bc \cos A \\
 a^2 &= b^2 + c^2 - 2bc \cos A
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 40 \quad \text{Luas segi tiga / Area of triangle} \\
 &= \frac{1}{2} ab \sin c
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 41 \quad \text{Titik yang membahagi suatu tembereng garis} \\
 \text{A point dividing a segment of a line} \\
 (x, y) = \left(\frac{nx_1 + mx_2}{m + n}, \frac{ny_1 + my_2}{m + n} \right)
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 42 \quad \text{Luas segi tiga/Area of triangle} \\
 &= \frac{1}{2} |(x_1y_2 + x_2y_3 + x_3y_1) - (x_2y_1 + x_3y_2 + x_1y_3)|
 \end{aligned}$$

$$43 \quad |\underline{r}| = \sqrt{x^2 + y^2}$$

$$44 \quad \underline{r} = \frac{x\underline{i} + y\underline{j}}{\sqrt{x^2 + y^2}}$$

JADUAL TABURAN KEBARANGKALIAN NORMAL

KEBARANGKALIAN Hujung Atas $Q(z)$ BAGI TABURAN NORMAL $N(0, 1)$
THE UPPER TAIL PROBABILITY $Q(z)$ FOR THE NORMAL DISTRIBUTION $N(0, 1)$


z										Tolak/Minus									
	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	1	2	3	4	5	6	7	8	9
0.0	0.5000	0.4960	0.4920	0.4880	0.4840	0.4801	0.4761	0.4721	0.4681	0.4641	4	8	12	16	20	24	28	32	36
0.1	0.4602	0.4562	0.4522	0.4483	0.4443	0.4404	0.4364	0.4325	0.4286	0.4247	4	8	12	16	20	24	28	32	36
0.2	0.4207	0.4168	0.4129	0.4090	0.4052	0.4013	0.3974	0.3936	0.3897	0.3859	4	8	12	15	19	23	27	31	35
0.3	0.3821	0.3783	0.3745	0.3707	0.3669	0.3632	0.3594	0.3557	0.3520	0.3483	4	7	11	15	19	22	26	30	34
0.4	0.3446	0.3409	0.3372	0.3336	0.3300	0.3264	0.3228	0.3192	0.3156	0.3121	4	7	11	15	18	22	25	29	32
0.5	0.3085	0.3050	0.3015	0.2981	0.2946	0.2912	0.2877	0.2843	0.2810	0.2776	3	7	10	14	17	20	24	27	31
0.6	0.2743	0.2709	0.2676	0.2643	0.2611	0.2578	0.2546	0.2514	0.2483	0.2451	3	7	10	13	16	19	23	26	29
0.7	0.2420	0.2389	0.2358	0.2327	0.2296	0.2266	0.2236	0.2206	0.2177	0.2148	3	6	9	12	15	18	21	24	27
0.8	0.2119	0.2090	0.2061	0.2033	0.2005	0.1977	0.1949	0.1922	0.1894	0.1867	3	5	8	11	14	16	19	22	25
0.9	0.1841	0.1814	0.1788	0.1762	0.1736	0.1711	0.1685	0.1660	0.1635	0.1611	3	5	8	10	13	15	18	20	23
1.0	0.1587	0.1562	0.1539	0.1515	0.1492	0.1469	0.1446	0.1423	0.1401	0.1379	2	5	7	9	12	14	16	19	21
1.1	0.1357	0.1335	0.1314	0.1292	0.1271	0.1251	0.1230	0.1210	0.1190	0.1170	2	4	6	8	10	12	14	16	18
1.2	0.1151	0.1131	0.1112	0.1093	0.1075	0.1056	0.1038	0.1020	0.1003	0.0985	2	4	6	7	9	11	13	15	17
1.3	0.0968	0.0951	0.0934	0.0918	0.0901	0.0885	0.0869	0.0853	0.0838	0.0823	2	3	5	6	8	10	11	13	14
1.4	0.0808	0.0793	0.0778	0.0764	0.0749	0.0735	0.0721	0.0708	0.0694	0.0681	1	3	4	6	7	8	10	11	13
1.5	0.0668	0.0655	0.0643	0.0630	0.0618	0.0606	0.0594	0.0582	0.0571	0.0559	1	2	4	5	6	7	8	10	11
1.6	0.0548	0.0537	0.0526	0.0516	0.0505	0.0495	0.0485	0.0475	0.0465	0.0455	1	2	3	4	5	6	7	8	9
1.7	0.0446	0.0436	0.0427	0.0418	0.0409	0.0401	0.0392	0.0384	0.0375	0.0367	1	2	3	4	4	5	6	7	8
1.8	0.0359	0.0351	0.0344	0.0336	0.0329	0.0322	0.0314	0.0307	0.0301	0.0294	1	1	2	3	4	4	5	6	6
1.9	0.0287	0.0281	0.0274	0.0268	0.0262	0.0256	0.0250	0.0244	0.0239	0.0233	1	1	2	2	3	4	4	5	5
2.0	0.0228	0.0222	0.0217	0.0212	0.0207	0.0202	0.0197	0.0192	0.0188	0.0183	0	1	1	2	2	3	3	4	4
2.1	0.0179	0.0174	0.0170	0.0166	0.0162	0.0158	0.0154	0.0150	0.0146	0.0143	0	1	1	2	2	2	3	3	4
2.2	0.0139	0.0136	0.0132	0.0129	0.0125	0.0122	0.0119	0.0116	0.0113	0.0110	0	1	1	1	2	2	2	3	3
2.3	0.0107	0.0104	0.0102								0	1	1	1	1	2	2	2	2
			0.00990		0.00964	0.00939	0.00914				3	5	8	10	13	15	18	20	23
								0.00889	0.00866	0.00842	2	5	7	9	12	14	16	16	21
2.4	0.00820	0.00798	0.00776	0.00755	0.00734						2	4	6	8	11	13	15	17	19
						0.00714	0.00695	0.00676	0.00657	0.00639	2	4	6	7	9	11	13	15	17
2.5	0.00621	0.00604	0.00587	0.00570	0.00554	0.00539	0.00523	0.00508	0.00494	0.00480	2	3	5	6	8	9	11	12	14
2.6	0.00466	0.00453	0.00440	0.00427	0.00415	0.00402	0.00391	0.00379	0.00368	0.00357	1	2	3	5	6	7	9	9	10
2.7	0.00347	0.00336	0.00326	0.00317	0.00307	0.00298	0.00289	0.00280	0.00272	0.00264	1	2	3	4	5	6	7	8	9
2.8	0.00256	0.00248	0.00240	0.00233	0.00226	0.00219	0.00212	0.00205	0.00199	0.00193	1	1	2	3	4	4	5	6	6
2.9	0.00187	0.00181	0.00175	0.00169	0.00164	0.00159	0.00154	0.00149	0.00144	0.00139	0	1	1	2	2	3	3	4	4
3.0	0.00135	0.00131	0.00126	0.00122	0.00118	0.00114	0.00111	0.00107	0.00104	0.00100	0	1	1	2	2	2	3	3	4

Bagi z negatif guna hubungan:
For negative z use relation:

$$Q(z) = 1 - Q(-z) = P(-z)$$

$$f(z) = \frac{1}{\sqrt{2\pi}} \exp\left(-\frac{1}{2}z^2\right)$$

$$Q(z) = \int_k^{\infty} f(z) dz$$



Contoh/Example:

Jika $X \sim N(0, 1)$, maka
If $X \sim N(0, 1)$, hence


$$P(X > k) = Q(k)$$

$$P(X > 2.1) = 0.0179$$

BAB 1

Fungsi
FunctionsVIDEO
PEMBELAJARAN

- 1 Adakah hubungan yang berikut suatu fungsi? Jelaskan.
Are the following relations a function? Explain.



Jawapan/Answer:


[2 markah/marks]

- 2 (a) Lakarkan graf fungsi $f: x \rightarrow |2x + 1|$ untuk domain $-1 \leq x \leq 1$.
Sketch graph function $f: x \rightarrow |2x + 1|$ in the domain $-1 \leq x \leq 1$.
- (b) Seterusnya, tentukan sama ada graf berikut ialah suatu fungsi atau bukan. Berikan justifikasi anda.
Hence, determine whether the graph is a function or not. Give your justification.

Jawapan/Answer:

[4 markah/marks]

- 3 Rajah di bawah menunjukkan graf hubungan antara set P dan set Q .
The diagram below shows the graph relation between set P and set Q .



Nyatakan

State

- (a) objek bagi 8,
the object of 8,
 (b) julat hubungan itu.
the range of the relation.

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 4 Hubungan antara R dan S ditakrifkan sebagai hubungan bertertib $\{(0, 1), (1, 2), (k, 4), (5, 6)\}$ bagi suatu fungsi linear f .

The relation between R and S is defined by the set of ordered pairs $\{(0, 1), (1, 2), (k, 4), (5, 6)\}$ for the linear function f .

- (a) Nyatakan nilai k .
State the value of k .
 (b) Ungkapkan hubungan tersebut menggunakan tatatanda fungsi.
Express the relation by the function notation.

[2 markah/marks]


Jawapan/Answer:

- 5 Fungsi g ditakrifkan oleh $g : x \rightarrow 3x - 5$. Cari
Function g is defined by $g : x \rightarrow 3x - 5$. Find
- (a) nilai x apabila $g(x)$ memetakan kepada diri sendiri,
the value of x when $g(x)$ maps to itself,
- (b) nilai h dengan keadaan $g(2 + h) = 4h$.
the value of h such that $g(2 + h) = 4h$.

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 6 Rajah di bawah menunjukkan graf bagi fungsi $f : x \rightarrow |1 - 2x|$ untuk domain $-2 \leq x \leq 4$.
The diagram below shows the graph of the function $f : x \rightarrow |1 - 2x|$ for the domain $-2 \leq x \leq 4$.



Nyatakan

State

- (a) nilai m ,
the value of m ,
- (b) domain bagi $f(x) < 3$.
the domain of $f(x) < 3$.

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:


- 7 Diberi fungsi $f(x) = 2x + 1$ dan $g(x) = 3 - px$, cari
 Given the function $f(x) = 2x + 1$ and $g(x) = 3 - px$, find
- $f(2)$,
 - nilai bagi p dengan keadaan $gf(2) = -7$.
 the value of p such that $gf(2) = -7$.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 8 Rajah di bawah menunjukkan fungsi $f(x) = \frac{x+p}{x}$, $x \neq k$, dengan keadaan p ialah pemalar.

The diagram below shows the function $f(x) = \frac{x+p}{x}$, $x \neq k$, such that p is a constant.



- Nyatakan nilai k .
 State the value of k .
- Cari nilai bagi p .
 Find the value of p .

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 9 Diberi bahawa $g(x) = \frac{2x-3}{2h}$, $h \neq 0$ dan $g^{-1}(x) = \frac{5x+3}{k}$, $k \neq 0$, dengan keadaan k dan h ialah pemalar. Cari nilai-nilai bagi k dan h .

It is given that $g(x) = \frac{2x-3}{2h}$, $h \neq 0$ and $g^{-1}(x) = \frac{5x+3}{k}$, $k \neq 0$, such that k and h are constants. Find the values of k and h .

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:


- 10 Diberi fungsi $f(x) = 2x + 3$ dan $g(x) = 5x - 2$. Cari nilai x apabila $f^2 = g^2$.
Given the functions $f(x) = 2x + 3$ and $g(x) = 5x - 2$. Find the value of x when $f^2 = g^2$.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 11 Rajah di bawah menunjukkan fungsi f memetakan set P kepada set Q dan fungsi g yang memetakan set Q kepada set R .

The diagram below shows function f maps set P to the set Q and function g maps set Q to set R .



Tentukan fungsi $g(-1)$.

Determine the function $g(-1)$.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 12 Fungsi f ditakrifkan sebagai $f(x) = (x - 2)^2$ untuk domain $2 \leq x \leq 5$. Pada paksi yang sama, lakarkan graf bagi f dan f^{-1} . Seterusnya, nyatakan titik persilangan di mana lengkung itu bertemu.
Given the function $f(x) = (x - 2)^2$ for the domain $2 \leq x \leq 5$. On the same axes, sketch the graphs of f and f^{-1} . Hence, state the intersection point where the curves meet.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

-
- 13 Sahkan kebenaran bahawa fungsi $p(x) = \sqrt{x}$ mempunyai fungsi songsang, $q(x) = x^2$.
Verify the function $p(x) = \sqrt{x}$ has an inverse function, $q(x) = x^2$.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

14 Fungsi g ditakrifkan oleh $g : x \rightarrow 2x$.

Function g is defined by $g : x \rightarrow 2x$.

(a) Ungkapkan $g^2(x)$, $g^3(x)$ dan $g^4(x)$ dalam bentuk yang paling ringkas.

Express $g^2(x)$, $g^3(x)$ and $g^4(x)$ in the simplest form.

(b) Seterusnya, cari nilai $g^{12}(x)$ dan $g^{13}(x)$.


Hence, find $g^{12}(x)$ and $g^{13}(x)$.

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

15 Rajah di bawah menunjukkan fungsi h memetakan x kepada y dan fungsi g memetakan y kepada z .

The diagram below shows the function h maps x to y and the function g maps y to z .



Tentukan

Determine

(a) $h^{-1}(8)$

(b) $gh(5)$

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

16 Diberi fungsi $f(x) = -\frac{3x}{x+1}$, $x \neq -1$, cari

Given the function $f(x) = -\frac{3x}{x+1}$, $x \neq -1$, find


- (a) $f(-2)$,
- (b) nilai x apabila $f^{-1}(x)$ tidak ditakrif.
the value of x when $f^{-1}(x)$ is not defined.

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

17 Rajah di bawah mewakili pemetaan y kepada x oleh fungsi $k(y) = py + q$ dan pemetaan y kepada z oleh fungsi $h(y) = \frac{6}{2y-q}$, $y \neq \frac{q}{2}$.

The diagram below shows the mapping of y to x given by the function $k(y) = py + q$ and the mapping of y to z given by the function $h(y) = \frac{6}{2y-q}$, $y \neq \frac{q}{2}$.



Cari

Find

- (a) nilai p dan nilai q ,
the values of p and q ,
- (b) fungsi yang memetakan x kepada y ,
the function that maps x to y ,
- (c) fungsi yang memetakan x kepada z .
the function that maps x to z .

[4 markah/marks]

[1 markah/mark]

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 18** Jumlah penjualan buku roti sehari, RM y oleh sebuah kedai bergantung kepada bilangan pembelian buku roti, x yang dimodelkan oleh fungsi $c(x) = 3x + 5$ dengan RM5 ialah caj penghantaran roti tersebut. Tentukan jumlah pendapatan kedai itu dalam masa sehari jika jumlah pembelian roti ialah sebanyak 50 buku.

The daily sales revenue, RM y of a bakery depends on the number of bread loaves purchased, x and is modelled by the function $c(x) = 3x + 5$, with RM5 being the delivery charge for the bread. Determine the total revenue of the bakery in a day if the number of bread loaves purchased is 50.

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 19** Seorang ahli menyertai pakej senaman di pusat kecergasan yang menawarkan sesi senaman kardiovaskular dan sesi latihan kekuatan. Penggunaan tenaga keseluruhan, E peserta itu bergantung kepada bilangan kalori yang dibakar semasa senaman kardiovaskular, x dan sesi latihan kekuatan, y yang dimodelkan dengan fungsi gubahan:

A member joins a fitness package at a fitness centre that offers cardiovascular exercise sessions and strength training sessions. The overall energy consumption, E of the member depends on the number of calories consumed during the cardiovascular exercise, x and the strength training session, y modelled with a composite function:

$$E(x, y) = f(x) + g(y)$$

Penggunaan tenaga daripada senaman kardio, dalam kalori, diberikan oleh fungsi $f(x) = 5x + 50$ dan penggunaan tenaga daripada sesi latihan kekuatan, dalam kalori, diberikan oleh fungsi $g(y) = 8y + 100$.

Cari jumlah penggunaan tenaga apabila peserta pusat kecergasan membakar 100 kalori semasa senaman kardiovaskular dan 20 kalori semasa sesi latihan kekuatan.

The energy usage from cardiovascular workouts, in calories, is given by the function $f(x) = 5x + 50$ and the energy usage from strength training sessions, in calories, is given by the function $g(y) = 8y + 100$.

Find the total energy usage when the fitness centre member burns 100 calories during cardiovascular workouts and 20 calories during strength training sessions.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

BAB 2

Fungsi Kuadratik

Quadratic Functions


**VIDEO
PEMBELAJARAN**

- 1 Cari julat nilai k jika lengkung $x(x + y) = k$ tidak menyilang dengan garis $y = 2x + 3$.
Find the range of values of k if the curve $x(x + y) = k$ does not intersect the line $y = 2x + 3$.

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

-
- 2 Cari julat nilai x bagi $(2x - 1)(x + 4) \geq 4 + x$.
Find the range of values of x for $(2x - 1)(x + 4) \geq 4 + x$.

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 3 Dengan menggunakan kaedah penyempurnaan kuasa dua, ungkapkan fungsi kuadrat $f(x) = 2x^2 + 7x - 2$ dalam bentuk $a(x + b)^2 + c$ dengan keadaan a , b dan c ialah pemalar. Nyatakan nilai-nilai bagi a , b , dan c .
By using completing the square method, express the quadratic function $f(x) = 2x^2 + 7x - 2$ in the form of $a(x + b)^2 + c$ where a , b and c are constants. State the values of a , b and c .

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 4 Suatu lengkung $y = ax^2 + bx + c$ dengan persamaan paksi simetri, $x = -3$ dan nilai maksimum = 14 telah melalui titik $(0, -4)$. Cari nilai a , b dan c . Seterusnya, ungkapkan fungsi lengkung itu dalam bentuk $y = m(x + n)^2 + k$.
A curve $y = ax^2 + bx + c$ with the equation of axis of symmetry, $x = -3$ and the maximum value = 14 had passes through the point $(0, -4)$. Find the values of a , b and c . Hence, express the function of the curve in the form of $y = m(x + n)^2 + k$.

[3 markah/marks]


Jawapan/Answer:

- 5 Diberi $(x - 3)(x - 4) < 2$, senaraikan semua integer x yang mungkin.
Given $(x - 3)(x - 4) < 2$, list all the possible integers of x .

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 6 Rajah di bawah menunjukkan satu graf fungsi kuadratik $f(x) = -2(x - k)^2 + h$.
The diagram below shows the graph of quadratic function $f(x) = -2(x - k)^2 + h$.




- (a) Nyatakan kesan terhadap kedudukan graf $f(x)$ apabila
State the effect on the position of the graph $f(x)$ when
- nilai h berkurang,
the value of h decreases,
 - nilai k bertambah.
the value of k increases.
- (b) Nyatakan fungsi $f(x)$ apabila graf dipantulkan pada garis lurus $y = h$.
State the function $f(x)$ when the graph is reflected on the straight line $y = h$.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 7 Rajah di bawah menunjukkan graf fungsi kuadrat $f(x) = (x + 3)^2 + 3k - 1$, dengan keadaan k ialah pemalar.
The diagram below shows the graph of the quadratic function $f(x) = (x + 3)^2 + 3k - 1$, where k is a constant.



- (a) Nyatakan persamaan paksi simetri bagi lengkung itu.
State the equation of the axis of symmetry for the curve.
- (b) Diberi nilai minimum bagi lengkung itu ialah -7 , hitung nilai k . Seterusnya, nyatakan persamaan lengkung itu apabila dipantulkan pada paksi- x .
Given the minimum value of the curve is -7 , calculate the value of k . Hence, state the equation of the curve when reflected on the x -axis.

[4 markah/marks]


Jawapan/Answer:

- 8 Diberi bahawa $(2, 10)$ ialah titik maksimum bagi fungsi kuadrat $f(x) = -x^2 + 4kx + 6k$, dengan keadaan k ialah pemalar. Dengan menggunakan kaedah penyempurnaan kuasa dua, cari dua nilai k yang mungkin.
Given that $(2, 10)$ is a maximum point for quadratic function $f(x) = -x^2 + 4kx + 6k$, where k is a constant. By using completing the square method, find two possible values of k .

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 9 (a) Rajah di bawah menunjukkan suatu garis nombor yang memuaskan suatu ketaksamaan kuadratik.
The diagram below shows the number line that satisfy a quadratic inequality.



Bentukkan ketaksamaan kuadratik bagi kawasan positif garis nombor tersebut.

Form the quadratic inequality for the positive part of the number line.

- (b) Punca-punca bagi persamaan kuadratik $x^2 + px + 9 = 0$ ialah n dan $6 - n$, dengan keadaan p dan n ialah pemalar. Cari nilai p dan nilai n .

The roots of the quadratic equation $x^2 + px + 9 = 0$ are n and $6 - n$, such that p and n are constants. Find the value of p and of n .

[5 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 10** Diberi fungsi $f(x) = px^2 + 4x + q$, dengan keadaan p dan q ialah pemalar.
Given the function $f(x) = px^2 + 4x + q$, where p and q are constants.

- (a) Tunjukkan bahawa
Show that

$$f(x) = p\left(x + \frac{2}{p}\right)^2 + \frac{pq - 4}{p}$$

- (b) Jika titik minimum bagi $f(x)$ ialah $(-4, 2)$, cari nilai p dan q .
If the minimum point of $f(x)$ is $(-4, 2)$, find the values of p and q .
- (c) Seterusnya, lakar graf $f(x)$ tersebut.
Hence, sketch the graph of $f(x)$.

[7 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 11 Sebuah kilang lampu lekapan mempunyai kos pengeluaran harian $C = 0.25n^2 - 10n + 800$, dengan keadaan C ialah jumlah kos harian dalam RM dan n ialah bilangan lampu lekapan yang dihasilkan. Dengan menggunakan kaedah penyempurnaan kuasa dua, berapa banyakkah lampu lekapan perlu dihasilkan dengan menggunakan kos paling minimum?

A light fixture factory has daily production costs of $C = 0.25n^2 - 10n + 800$, such that C is the total daily cost in RM and n is the number of light fixtures produced. By using completing the square method, how many light fixtures should be produced by using the minimum cost?

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 12 Diberi persamaan kuadratik $ax^2 - 5x + c = 0$, dengan keadaan a dan c ialah pemalar, mempunyai punca-punca β dan 4β .

Given a quadratic equation $ax^2 - 5x + c = 0$, such that a and c are constants, has roots of β and 4β .

- (a) Ungkapkan a dalam sebutan c .

Express a in terms of c .


- (b) Seterusnya, tentukan punca-punca persamaan kuadratik tersebut jika nilai c ialah 10.

Hence, determine the roots of the quadratic equation if the value of c is 10.

[5 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 13 (a) Rajah di bawah menunjukkan graf bagi $y = 2x^2 + px + q$.
The diagram below shows a graph $y = 2x^2 + px + q$.



Jika m dan n ialah punca-punca persamaan kuadrat $2x^2 + px + q = 0$, nyatakan
If m and n are the roots of the quadratic equation $2x^2 + px + q = 0$, state

- (i) $m + n$
(ii) mn

[2 markah/marks]

- (b) Diberi punca-punca persamaan $3x^2 + 2x = 6$ ialah α dan β . Bentukkan persamaan kuadrat yang mempunyai punca-punca $\frac{\alpha}{\beta}$ dan $\frac{\beta}{\alpha}$.

Given the roots of equation $3x^2 + 2x = 6$ are α and β . Form a quadratic equation that has roots of $\frac{\alpha}{\beta}$ and $\frac{\beta}{\alpha}$.

[3 markah/marks]

- (c) Diberi persamaan kuadrat $x^2 + (3h - 1)x = -2h - 10$ mempunyai dua punca nyata dan berbeza, dengan keadaan h ialah pemalar. Cari julat nilai h .

Given the quadratic equation $x^2 + (3h - 1)x = -2h - 10$ has two real and different roots, such that h is a constant. Find the range of values of h .

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

BAB 3

Sistem Persamaan

Systems of Equations


**VIDEO
PEMBELAJARAN**

- 1 Selesaikan sistem persamaan linear yang berikut dengan menggunakan kaedah penghapusan.
Solve the following system of linear equations using the elimination method.

$$\begin{aligned} 3x - 3y - z &= -4 \\ 2x - y + z &= -3 \\ 2x + 2y + 3z &= 2 \end{aligned}$$

[5 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 2 Selesaikan sistem persamaan linear yang berikut.
Solve the following system of linear equations.

$$\begin{aligned} x + 4y - 3z &= 5 \\ -4x - 2y + z &= -4 \\ -3x + 2y - 2z &= -1 \end{aligned}$$

[5 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 3 Selesaikan sistem persamaan linear yang berikut dengan menggunakan kaedah penggantian.
Solve the following system of linear equations using the substitution method.

$$4q - 2p - r = -8$$

$$3p + 6r - q = 2$$

$$9p - 2q = 6$$

[5 markah/marks]

Jawapan/Answer:

-
- 4 Selesaikan sistem persamaan linear yang berikut.
Solve the following system of linear equations.

$$x + 2y - 3z = 4$$

$$3x - y + 5z = 2$$

$$4x + y + 2z = 6$$

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 5 Selesaikan persamaan serentak berikut menggunakan kaedah penghapusan.
Solve the following simultaneous equations using the elimination method.

$$\begin{aligned}x - y &= 4 \\ 2x^2 - y &= 17\end{aligned}$$

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 6 Selesaikan persamaan serentak berikut menggunakan kaedah penggantian. Berikan jawapan dalam 4 angka bererti.
Solve the following simultaneous equations using the substitution method. Give answers in 4 significant numbers.

$$\begin{aligned}2x^2 - xy &= -1 \\ \frac{x}{2} + \frac{y}{3} &= -2\end{aligned}$$

[4 markah/marks]


Jawapan/Answer:

- 7 Selesaikan persamaan serentak berikut menggunakan kaedah perwakilan graf.
Solve the following simultaneous equations using the graphical representation method.

$$\begin{aligned}2x + y &= 2 \\ 2x^2 - y &= 10\end{aligned}$$

[8 markah/marks]

Jawapan/Answer:



- 8 Shima mempunyai tiga unit pangsapuri dengan jenis yang berbeza. Unit jenis X mempunyai 1 bilik tidur, unit jenis Y mempunyai 2 bilik tidur dan unit jenis Z mempunyai 3 bilik tidur. Semua unit pangsapuri disewakan dan jumlah sewaan yang diperoleh Shima setiap hari ialah RM1 180. Shima perlu menyimpan sebahagian daripada pendapatan sewaan untuk kos penyelenggaraan. Dia menyimpan 10% daripada harga sewaan unit jenis X , 20% daripada harga sewaan unit jenis Y dan 30% daripada harga sewaan unit jenis Z setiap hari. Jumlah simpanan sehari ialah RM260. Diberi bahawa harga sewaan unit jenis Z adalah dua kali ganda harga sewaan unit jenis X . Berapakah harga sewa harian bagi setiap pangsapuri milik Shima?

Shima has three apartment units with different types. Unit type X has 1 bedroom, unit type Y has 2 bedrooms and unit type Z has 3 bedrooms. All the apartment units are rented and the total rent that Shima earns per day is RM1 180. Shima needs to keep part of the rental income for maintenance costs. She saves 10% of the rental price unit type X , 20% of the rental price unit type Y and 30% of the rental price unit type Z every day. The total savings per day is RM260. Given the rental price of unit type Z is twice the rental price unit type X . What is the daily rental price of each apartment owned by Shima?

[7 markah/marks]

Jawapan/Answer:

BAB 4

Indeks, Surd dan Logaritma

Indices, Surds and Logarithms


**VIDEO
PEMBELAJARAN**

- 1 (a) Diberi $2^n 3^n 12^m = 2^{3n-m} 3^{3n-2m}$, cari $m : n$.
Given $2^n 3^n 12^m = 2^{3n-m} 3^{3n-2m}$, find $m : n$.
- (b) Persamaan garis lurus $y = mx + 3$, melalui titik $(1 + \sqrt{5}, 7)$.
 Tentukan kecerunan garis lurus dalam bentuk nisbah integer.
*The equation of a straight of the line $y = mx + 3$, through the point $(1 + \sqrt{5}, 7)$.
 Determine the gradient of the straight line in the form of an integer ratio.*
- (c) Diberi $\log_3 h - 3 \log_{27} k = 1$, ungkapkan h dalam sebutan k .
Given that $\log_3 h - 3 \log_{27} k = 1$, express h in terms of k .

[9 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 2 (a) Tunjukkan $\sqrt{\frac{27^n \times 3^7}{3^{-2n}}} = 3^{2n+3} \times \sqrt{3^{n+1}}$.
Show that $\sqrt{\frac{27^n \times 3^7}{3^{-2n}}} = 3^{2n+3} \times \sqrt{3^{n+1}}$.
- (b) Diberi $3^{\log_3 a} = x^2$ dan $5^{\log_5 b} = y^{\frac{3}{2}}$. Cari
Given that $3^{\log_3 a} = x^2$ and $5^{\log_5 b} = y^{\frac{3}{2}}$. Find
- (i) $\frac{2x^2 + 3}{4y^3}$ dalam sebutan a dan b ,
 $\frac{2x^2 + 3}{4y^3}$ in terms of a and b ,
- (ii) nilai bagi $\log_a x^2 + \log_b y$.
 the value of $\log_a x^2 + \log_b y$.

[7 markah/marks]

Jawapan/Answer:

3 (a) Selesaikan $\ln \frac{3}{2} x = 4$.

Solve $\ln \frac{3}{2} x = 4$.

(b) Diberi $\log_{p+q} 625 = 4$ dan $\log_{2p-q} 1024 = 5$, cari nilai p dan q .
 Given that $\log_{p+q} 625 = 4$ and $\log_{2p-q} 1024 = 5$, find the values of p and q .

[6 markah/marks]

Jawapan/Answer:

4 (a) (i) Permudahkan $(\log_a b^n)(\log_b c)$.

Simplify $(\log_a b^n)(\log_b c)$.

(ii) Seterusnya, cari nilai $(\log_2 m^3)(\log_m 64) - 1$.

Hence, find the value of $(\log_2 m^3)(\log_m 64) - 1$.

(b) Diberi panjang seutas tali pada mulanya ialah $22 + \sqrt{5}$ cm. Apabila dibahagikan kepada tiga bahagian yang sama, panjang setiap bahagian menjadi $\frac{x}{3}(1 + \sqrt{20})$ cm. Terdapat lebih tali sebanyak $3 + \sqrt{5}$ cm. Cari nilai x , dalam bentuk $(a + b\sqrt{c})$ dengan a , b dan c ialah integer.

Given the initial length of a string is $22 + \sqrt{5}$ cm. When divided into three equal parts, the length of each part becomes $\frac{x}{3}(1 + \sqrt{20})$ cm. There is a remaining string of $3 + \sqrt{5}$ cm. Find the value of x , in the form of $(a + b\sqrt{c})$ such that a , b and c are integers.

[6 markah/marks]

Jawapan/Answer:

5 (a) Selesaikan persamaan $m + 2\sqrt{3} = -\frac{3}{m}$.

Solve the equation $m + 2\sqrt{3} = -\frac{3}{m}$.

(b) Diberi bahawa $\frac{\log_2 y}{\log_x y} = 4$, cari nilai x .

It is given that $\frac{\log_2 y}{\log_x y} = 4$, find the value of x .

[6 markah/marks]

Jawapan/Answer:

6 (a) Jika $\log_2 p = q$, ungkapkan $16^q - 4^{-q}$ dalam sebutan p .
If $\log_2 p = q$, express $16^q - 4^{-q}$ in terms of p .

(b) Diberi bahawa $\log_x 81 = \log_3 x$, cari nilai-nilai x .
It is given that $\log_x 81 = \log_3 x$, find the values of x .

[6 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 7 (a) Tanpa menggunakan kalkulator, selesaikan $\frac{3x}{\sqrt{2}} = x\sqrt{5} + 18$. Tulis jawapan anda dalam bentuk $a + b\sqrt{c}$.

Without using a calculator, solve $\frac{3x}{\sqrt{2}} = x\sqrt{5} + 18$. Write your answer in the form $a + b\sqrt{c}$.


- (b) Nilai sebidang tanah pada permulaan tahun ialah RM120 000. Nilainya meningkat sebanyak 5% dari tahun sebelumnya dan selepas t tahun, harga bagi tanah itu diberi oleh $120\,000\left(1 + \frac{1}{20}\right)^t$. Cari bilangan tahun apabila harga tanah mula melebihi RM200 000.

The value of a land at the beginning of the year is RM120 000. The price increased by 5% from the previous year and after t years, the price of the land is given by $120\,000\left(1 + \frac{1}{20}\right)^t$. Find the number of years when the value of the land starts to exceed RM200 000.

[6 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 8 (a) Tunjukkan bahawa $3^{x+1} + 3^{x+2} + 3^{x+2} - 3^x$ boleh dibahagi tepat dengan 20 bagi semua integer positif x .
Show that $3^{x+1} + 3^{x+2} + 3^{x+2} - 3^x$ is divisible by 20 for all positive integer x .
- (b) Diberi $A = \log_{10}(p + 3)$, jika $A < 1$, tentukan julat bagi nilai p .
Given $A = \log_{10}(p + 3)$, if $A < 1$, determine the range for the p value.
- (c) Rajah di bawah menunjukkan sebuah kuboid.
The diagram below shows a cuboid.



Jika isi padu kuboid itu 20 cm^3 , cari nilai x dalam sebutan $a + \sqrt{b}$.
If the volume of the cuboid is 20 cm^3 , find the value of x in terms of $a + \sqrt{b}$.

[8 markah/marks]


Jawapan/Answer:

9 (a) Buktikan ${}^3\sqrt{x} = x^{\frac{1}{3}}$.

Prove ${}^3\sqrt{x} = x^{\frac{1}{3}}$.

(b) Rajah di bawah menunjukkan sebuah segi tiga ABC dengan keadaan $AC \neq BC$.

The diagram below shows a triangle ABC such that $AC \neq BC$.



Diberi panjang AB , BC dan AC masing-masing, dalam meter, ialah 3, 2 dan $\sqrt{x+1}$. Jika perimeter segi tiga ABC ialah x m, cari panjang AC .

Given the lengths of AB , BC and AC , in meter, is 3, 2 and $\sqrt{x+1}$ respectively. If the perimeter of triangle ABC is x m, find the length of AC .

[7 markah/marks]

Jawapan/Answer:

BAB 5

Janjang

Progressions


**VIDEO
PEMBELAJARAN**

- 1 Tiga sebutan pertama suatu janjang aritmetik ialah $(2x - 3)$, $(x + 2)$ dan 7.
The first three terms of an arithmetic progression are $(2x - 3)$, $(x + 2)$ and 7.
 Cari, dalam sebutan x ,
Find, in terms of x ,
- beza sepunya janjang itu,
the common difference of the progression,
 - hasil tambah 12 sebutan pertama janjang itu.
the sum of the first 12 terms of the progressions.

[3 markah/marks]


Jawapan/Answer:

-
- 2 Hasil tambah n sebutan pertama bagi suatu janjang aritmetik diberi oleh $S_n = \frac{n}{2}(5n - 3)$.
The sum of the first n terms of an arithmetic progression is given by $S_n = \frac{n}{2}(5n - 3)$.
 Cari
Find
- hasil tambah 10 sebutan pertama,
the sum of the first 10 terms,
 - sebutan ke-10.
the 10th term.

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 3 Rajah di bawah menunjukkan empat biji kek berbentuk bulat.
The diagram below shows four cakes in circular shape.



Perimeter permukaan atas kek-kek itu membentuk suatu jajang aritmetik. Sebutan-sebutan jajang itu disusun secara menaik.

[Perimeter bulatan = $2\pi r$]

The perimeters of the top surface of the cakes form an arithmetic progression. The terms of the progression are in ascending order.

[Perimeter of circle = $2\pi r$]

- (a) Tulis empat sebutan pertama jajang itu dalam sebutan π .
Write down the first four terms of the progression in terms of π .
- (b) Cari beza sepunya jajang itu dalam sebutan π .
Find the common difference of the progression in terms of π .

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 4 Diberi bahawa q , $p - 3$ dan $4p + 3q$ ialah tiga sebutan berturutan bagi suatu janjang aritmetik.
It is given that q , $p - 3$ and $4p + 3q$ are three consecutive terms of an arithmetic progression.
- (a) Ungkapkan p dalam sebutan q .
Express p in terms of q .
- (b) Cari beza sepunya janjang itu jika $q = 2$.
Find the common difference of the progression if $q = 2$.

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

-
- 5 Hasil tambah n sebutan pertama bagi janjang geometri $512x$, $256x$, $128x$, ... ialah $1\ 016x$.
The sum of the first n terms of geometric progression $512x$, $256x$, $128x$, ... is $1\ 016x$.
- Cari
Find
- (a) nisbah sepunya janjang itu,
the common ratio of the progression,
- (b) nilai n .
the value of n .

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 6 Diberi $\frac{1}{x}, \frac{1}{x^2}, \frac{1}{x^4}, \dots$ ialah suatu janjang geometri dan hasil tambah ketakterhinggaan ialah 1.

It is given that $\frac{1}{x}, \frac{1}{x^2}, \frac{1}{x^4}, \dots$ is a geometric progression and its sum to infinity is 1.

Cari

Find

- (a) nisbah sepunya dalam sebutan x ,
the common ratio in terms of x ,
(b) nilai x .
the value of x .

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 7 Diberi hasil tambah n sebutan pertama bagi suatu janjang geometri ialah $S_n = \frac{2}{3}(2^n - 1)$.

It is given the sum of the first n terms of a geometric progression is $S_n = \frac{2}{3}(2^n - 1)$.

Cari


Find

- (a) sebutan pertama janjang itu,
the first term of the progression,
(b) nisbah sepunya janjang itu.
the common ratio of the progression.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 8 Rajah di bawah menunjukkan satu corak yang berulang sehingga ketakterhinggaan yang terdiri daripada segi empat sama dan segi tiga berlorek. Diberi panjang sisi segi empat sama yang terbesar ialah 6 cm. *The diagram below shows a pattern that repeats itself to infinity consisting squares and shaded triangles. Given the length of a side of the biggest square is 6 cm.*



Cari

Find

- (a) panjang tapak bagi segi tiga yang ke-7,
the base length of the 7th triangle,
- (b) luas kawasan berlorek, dalam cm².
the area of shaded region, in cm².

[2 markah/marks]

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 9 Diberi bahawa ..., 1 365, k , 12 285, ... ialah sebahagian sebutan daripada suatu janjang geometri. Hasil tambah empat sebutan pertama bagi janjang ini ialah 18 200 dan $r > 0$.

It is given that ..., 1 365, k , 12 285, ... is part of the term of a geometric progression. The sum of the first four terms for this progression is 18 200 and $r > 0$.

Cari

Find

- (a) nisbah sepunya,
the common ratio,
- (b) sebutan pertama,
the first term,
- (c) nilai n yang paling besar supaya sebutan ke- n kurang daripada 500 000.
the largest value of n such that the n^{th} term is less than 500 000.

[6 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 10 (a) Sebuah bulatan dibahagikan kepada 15 sektor dengan keadaan setiap sudut sektor yang dicakupi pada pusat bulatan membentuk suatu jangjang aritmetik. Diberi sudut sektor yang terbesar ialah 38° .
A circle is divided into 15 sectors such that each angle subtended at the centre of the circle forming an arithmetic progression. Given the angle of the biggest sector is 38° .


Cari

Find

- (i) sudut sektor yang terkecil dan beza sepunya, d , dengan keadaan $d > 0$,
the angle of the smallest sector and the common difference, d , where $d > 0$,
 (ii) jumlah nilai sudut bagi 12 sektor yang pertama.
the total of the angles of the first 12 sectors.

[6 markah/marks]

- (b) Rajah di bawah menunjukkan empat segi empat tepat yang pertama yang dilukis secara berturutan.
The diagram below shows four of the first rectangles drawn in consecutive order.



Segi empat tepat pertama, R_1 , dengan sisi x cm dan y cm, segi empat tepat kedua, R_2 , dengan sisi $0.8x$ cm dan $0.8y$ cm, segi empat ketiga, R_3 , dengan sisi 0.8 daripada sisi-sisi segi empat kedua, R_2 , segi empat tepat keempat, R_4 , dengan sisi 0.8 daripada sisi-sisi segi empat ketiga, R_3 , dan seterusnya bagi segi empat-segi empat tepat yang berikutnya.

The first rectangle, R_1 , has sides of x cm by y cm, the second rectangle, R_2 , has sides of $0.8x$ cm and $0.8y$ cm, the third rectangle, R_3 , has sides which are 0.8 of the sides of the second rectangle, R_2 , the fourth rectangle, R_4 , has sides which are 0.8 of the sides of the third rectangle, R_3 , and hence for the sides of the subsequent rectangles.

Cari

Find

- (i) nisbah sepunya bagi luas segi empat tepat kedua kepada segi empat tepat pertama,
the common ratio of the area of the second rectangle to that of the first rectangle,
 (ii) jumlah luas, dalam sebutan x dan y , dalam cm, bagi semua segi empat tepat itu.
the total area, in terms of x and y , in cm, of all the rectangles.

[Beri jawapan dalam bentuk pecahan tak wajar]

[Give your answer in improper fraction]

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:


BAB 6

Hukum Linear

Linear Law

VIDEO
PEMBELAJARAN

- 1 Rajah di bawah menunjukkan graf garis lurus yang diperoleh dengan memplot $\frac{1}{y}$ melawan $\frac{1}{x^2}$. Pemboleh ubah x dan y dihubungkan oleh persamaan $\frac{p}{y} = 2 - \frac{q}{x^2}$ dengan keadaan p dan q ialah pemalar. The diagram below shows the straight line graph obtained by plotting $\frac{1}{y}$ against $\frac{1}{x^2}$. The variables x and y are related by the equation $\frac{p}{y} = 2 - \frac{q}{x^2}$ such that p and q are constants.




Cari nilai p dan q .
Find the values of p and q .

Jawapan/Answer:

[5 markah/marks]

- 2 Rajah di bawah menunjukkan graf garis lurus yang diperoleh dengan memplot $\log_{10} y$ melawan x . Pemboleh ubah x dan y dihubungkan oleh persamaan $y = 100p^{2x}$, dengan keadaan p ialah pemalar.
The diagram below shows the straight line graph obtained by plotting $\log_{10} y$ against x . The variables x and y are related by the equation $y = 100p^{2x}$, such that p is a constant.




- (a) Ungkapkan persamaan $y = 100p^{2x}$ dalam bentuk linear yang digunakan untuk memperoleh graf garis lurus seperti ditunjukkan dalam rajah di atas.
Express the equation $y = 100p^{2x}$ in linear form used to obtain the straight line graph as shown in the diagram above.
- (b) Cari nilai h dan p .
Find the values of h and p .

[4 markah/marks]


Jawapan/Answer:

- (a) Murid Tingkatan 4 diwakili oleh x dan murid Tingkatan 5 diwakili oleh y . Tulis tiga ketaksamaan, selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memuaskan semua kekangan di atas.

Form 4 pupils are represented by x and Form 5 pupils are represented by y . Write three inequalities other than $x \geq 0$ and $y \geq 0$, that satisfies all of the constraints above constraints.

[3 markah/marks]

- (b) Dengan menggunakan skala 2 cm mewakili 50 orang murid pada setiap paksi, bina dan lorek rantau R yang memuaskan semua kekangan di atas. Gunakan kertas graf di halaman 127.

Using a scale of 2 cm representing 50 pupils on each axis, construct and shade the region R that satisfies all of the above constraints. Use the graph paper on page 127.

[3 markah/marks]

- (c) Yuran sebanyak RM2 dikenakan kepada murid Tingkatan 5 dan RM1 kepada murid Tingkatan 4 untuk kos bahan.

A fee of RM2 is charged for Form 5 pupils and RM1 for Form 4 pupils for the cost of materials.


Cari

Find

- (i) jumlah maksimum yuran yang dikumpulkan,
the maximum amount of fees collected,
- (ii) jumlah minimum yuran yang dikumpulkan.
the minimum amount of fees collected.

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:



- 4 Puan Rosnah mempunyai modal sebanyak RM10 000. Dia bercadang untuk mengeluarkan dua jenis produk kecantikan iaitu serum pemutih x dan serum jerawat y . Kos untuk membuat serum pemutih ialah RM20 manakala serum jerawat ialah RM30. Sebagai permulaan, Puan Rosnah menghasilkan 200 botol serum dengan keadaan bilangan serum pemutih sama banyak atau akan melebihi bilangan serum jerawat. *Puan Rosnah has a capital of RM10 000. She plans to produce two types of beauty products which are whitening serum x and acne serum y . The cost for producing whitening serum is RM20 while acne serum is RM30. As a start, Puan Rosnah produces 200 bottles of serum where the number of whitening serums is equal or will exceed the number of acne serums.*

- (a) Tulis tiga ketaksamaan, selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan di atas.

Write three inequalities, other than $x \geq 0$ and $y \geq 0$, which satisfy all the above constraints.

[3 markah/marks]

- (b) Dengan menggunakan skala 2 cm kepada 50 botol serum jerawat pada paksi- y dan 2 cm kepada 100 botol serum pemutih pada paksi- x , bina dan lorekkan rantau R yang memenuhi semua kekangan di atas. Gunakan kertas graf di halaman 129.

Using a scale of 2 cm to 50 bottles of acne serum on the y -axis and 2 cm to 100 bottles of whitening serum on the x -axis, construct and shade the region R that satisfies all the above constraints. Use the graph paper on page 129.

[3 markah/marks]

- (c) Daripada graf yang diperoleh di (b), cari

From the graph obtained in (b), find

- (i) julat bilangan serum pemutih jika 50 serum jerawat dihasilkan,

the range of the number of whitening serums if 50 acne serums are produced,


[1 markah/mark]

- (ii) peratus keuntungan maksimum sekiranya harga jualan serum pemutih ialah RM32 dan serum jerawat ialah RM50.

the percentage of maximum profit if the selling price of whitening serum is RM32 and acne serum is RM50.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:



BAB 8

Kinematik Gerakan Linear

Kinematics of Linear Motion



VIDEO
PEMBELAJARAN
rb.gy/kuOmx

- 1 Suatu zarah bergerak di sepanjang suatu garis lurus bermula dari satu titik tetap O . Halajunya, $v \text{ m s}^{-1}$, diberi oleh $v = (t + 2)(t - 4)$, dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas meninggalkan titik O .
[Anggap gerakan ke arah kanan sebagai positif]
*A particle moves along a straight line starting from a fixed point O . The velocity, $v \text{ m s}^{-1}$, given by $v = (t + 2)(t - 4)$, where t is the time, in seconds, after leaving the point O .
[Assume motion to the right is positive]*

Cari

Find

- (a) pecutan awal, dalam m s^{-2} , bagi zarah itu,
the initial acceleration, in m s^{-2} , of the particle,

[2 markah/marks]

- (b) halaju maksimum, dalam m s^{-1} , zarah itu,
the maximum velocity, in m s^{-1} , of the particle,

[4 markah/marks]

- (c) jarak, dalam m , yang dilalui pada saat ketiga.
the distance, in m , travelled at the third second.

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 2 Satu zarah bergerak di sepanjang garis lurus dengan keadaan pecutannya, $a \text{ m s}^{-2}$, diberi oleh $a = 2t - 8$ dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas melalui satu titik tetap O . Halaju awal zarah itu ialah 12 m s^{-1} .

[Anggap gerakan ke arah kanan sebagai positif]

A particle moves along a straight line where its acceleration, $a \text{ m s}^{-2}$, is given by $a = 2t - 8$ where t is the time, in seconds, after passing through a fixed point O . The initial velocity of the particle is 12 m s^{-1} .

[Assume motion to the right is positive]

- (a) Nyatakan satu ungkapan untuk halaju.

State an expression for the velocity.

[1 markah/mark]

- (b) Cari

Find

- (i) halaju minimum, dalam m s^{-1} , zarah itu,
the minimum velocity, in m s^{-1} , of the particle,

[3 markah/marks]

- (ii) masa, dalam saat, apabila zarah itu berhenti seketika,
the time, in seconds, when the particle stops instantaneously,

[2 markah/marks]

- (iii) jumlah jarak, dalam m, yang dilalui oleh zarah itu dalam 7 saat pertama.
the total distance, in m, travelled by the particle in the first 7 seconds.

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 3 Suatu zarah bergerak di sepanjang satu garis lurus yang melalui satu titik tetap O dengan sesaran, s meter pada masa t saat diberi oleh $s = 15t - 3t^2$.

A particle moves along a straight line which passes through a fixed point O where the displacement, s meter at the time t seconds is given by $s = 15t - 3t^2$.

- (a) Salin dan lengkapkan jadual berikut pada ruang jawapan.

Copy and complete the following table in the answer space.

Masa/Time, t (s)	0	1	2	3	4	5	6
Sesaran/Displacement, s (m)							

[1 markah/mark]

- (b) Berdasarkan jadual, cari jumlah jarak, dalam m, yang dilalui oleh zarah itu dalam tempoh $0 \leq t \leq 6$.
Based on the table, find the total distance, in m, travelled by the particle for the time period $0 \leq t \leq 6$.

[4 markah/marks]

- (c) Wakilkan sesaran bagi zarah tersebut dengan menggunakan

Represent the displacement of the particle by using

- (i) garis nombor,

the number line,

- (ii) graf sesaran-masa. Seterusnya, pada rajah yang sama, lakarkan graf bagi fungsi halaju.

the displacement-time graph. Hence, on the same diagram, sketch a graph of function velocity.

[5 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 4 Suatu zarah bergerak di sepanjang garis lurus dan melalui satu titik tetap O dengan halaju 6 m s^{-1} . Halajunya, $v \text{ m s}^{-1}$ diberi oleh $v = ht^2 + kt + c$, dengan keadaan h , k dan c ialah pemalar dan t ialah masa, dalam saat. Diberi bahawa zarah tersebut mencapai halaju maksimum 42 m s^{-1} selepas 3 saat.

[Anggap gerakan ke arah kanan sebagai positif]

A particle moves along a straight line and passes through a fixed point O with a velocity of 6 m s^{-1} . The velocity, $v \text{ m s}^{-1}$ is given by $v = ht^2 + kt + c$, where h , k and c are constants and t is the time, in seconds. Given that the particle reaches its maximum velocity 42 m s^{-1} after 3 seconds.

[Assume motion to the right is positive]


Cari

Find

- (a) nilai h dan nilai k ,
the value of h and of k , [5 markah/marks]
- (b) masa, dalam saat, zarah berhenti seketika,
the time, in seconds, when the particle is at instantaneous rest, [2 markah/marks]
- (c) jarak, dalam m, yang dilalui oleh zarah pada masa 6 saat.
the distance, in m, travelled by the particle in 6 seconds. [3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 5 Rajah di bawah menunjukkan seorang budak lelaki melemparkan bola ke atas. Ketinggian bola itu selepas t saat diberikan oleh fungsi $h = 1 + 4t - 5t^2$.
The diagram below shows a boy throws a ball vertically upward. The height after t seconds is given by the function $h = 1 + 4t - 5t^2$.



Cari

Find

- (a) ketinggian bola itu, dalam m, sebelum dilontarkan,
the height of the ball, in m, just before it was thrown, [1 markah/mark]
- (b) ketinggian maksimum, dalam m, yang dicapai oleh bola itu,
the maximum height, in m, reached by the ball, [4 markah/marks]
- (c) masa, dalam saat, untuk bola itu mencecah tanah,
the time, in seconds, for the ball to hit the ground, [2 markah/marks]
- (d) halaju, dalam m s^{-1} , bola itu apabila mencecah tanah,
the velocity, in m s^{-1} , of the ball when it hits the ground, [2 markah/marks]
- (e) pecutan malar, dalam m s^{-2} , bola itu.
uniform acceleration, in m s^{-2} , of the ball. [1 markah/mark]

Jawapan/Answer:

Kertas Model SPM

KERTAS 1


Bahagian A Section A

[64 markah]
[64 marks]

Jawab **semua** soalan.
Answer all questions.

- 1 Rajah 1 menunjukkan sebuah bulatan berjari 6 cm berpusat di O . Garis lurus BC sepanjang 10 cm merupakan tangen kepada bulatan. Diberi bahawa $AB = DC$ dan panjang lengkok major AD ialah 27.528 cm.

Diagram 1 shows a circle of radius 6 cm with centre O . A straight line BC of length 10 cm is tangent to the circle. Given that $AB = DC$ and the length of the major arc is AD 27.528 cm.



Rajah/Diagram 1

Cari/Find

- (a) sudut minor AOD , dalam radian,
the minor angle of AOD , in radians,
- (b) luas, dalam cm^2 , rantau berlerek.
the area, in cm^2 , of the shaded region.

[2 markah/marks]

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 2 (a) Selesaikan persamaan $\log_5 (x + 3) = 2 + \log_5 (x - 1)$.

Solve the equation $\log_5 (x + 3) = 2 + \log_5 (x - 1)$.

[3 markah/marks]

- (b) Diberi bahawa $\frac{5^{3n+1} \times 25^n}{125^{n-1}} = 5^{hn+k}$, cari nilai h dan nilai k .

It is given that $\frac{5^{3n+1} \times 25^n}{125^{n-1}} = 5^{hn+k}$, find the values of h and k .

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 3 Titik $P(0, 4)$ dan titik $Q(6, 2)$ merupakan titik pada satu garis lurus yang diperoleh dengan memplot $\frac{x}{y}$

melawan $\frac{1}{x}$ bagi persamaan $\frac{2a}{y} = \frac{b}{x^2} + \frac{4}{x}$. Cari nilai a dan b .

Point $P(0, 4)$ and point $Q(6, 2)$ are the points on a straight line obtained by plotting $\frac{x}{y}$ against $\frac{1}{x}$ for the equation

$\frac{2a}{y} = \frac{b}{x^2} + \frac{4}{x}$. Find the values of a and b .

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 4 Ammar membaling sebuah bola ke atas. Ketinggian bola dari permukaan tanah ialah h , dalam m dan jarak mengufuk bola dari Ammar ialah x , dalam m. Tinggi bola tersebut diwakili oleh $h(x) = -x^2 + 4x + 5$.
Ammar throws a ball upwards. The height of the ball from the ground is h , in m, and the horizontal distance of the ball from Ammar is x , in m. The height of the is represented by $h(x) = -x^2 + 4x + 5$.
- (a) (i) Dengan menggunakan kaedah penyempurnaan kuasa dua, cari tinggi maksimum, dalam m, bola itu.
By using the method of completing the square, find the maximum height, in m, of the ball.
- (ii) Seterusnya, nyatakan jarak mengufuk bola dari kedudukan Ammar semasa bola mencapai tinggi maksimum.
Hence, state the horizontal distance of the ball from Ammar when the ball reaches the maximum height. [4 markah/marks]
- (b) Cari jarak mengufuk di antara Ammar dan bola, dalam m, apabila bola itu menyentuh permukaan tanah.
Find the horizontal distance between Ammar and the ball, in m, when the ball touches the ground. [2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 5 Diberi fungsi $f: x \rightarrow x + 6$ dan $gf: x \rightarrow x^2 + 4$, cari

Given the function $f: x \rightarrow x + 6$ and $gf: x \rightarrow x^2 + 4$, find

(a) $f^{-1}(x)$,

[2 markah/marks]

(b) $g(x)$,

[2 markah/marks]

(c) $gf^{-1}(2)$.

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

6 (a) Diberi ${}^{25}C_r = {}^{25}C_{r+3}$, cari nilai r .

Given ${}^{25}C_r = {}^{25}C_{r+3}$, find the value of r .

[2 markah/marks]

(b) Rajah 2 menunjukkan sembilan kad dengan huruf yang berbeza.

Diagram 2 shows nine cards of different letters.



Rajah/Diagram 2

Hitung bilangan cara untuk menyusun semua kad dalam satu barisan jika

Calculate the number of different ways to arrange all the cards in a row if

(i) tiada syarat dikenakan,

there is no restriction,

(ii) huruf konsonan sentiasa berasingan.

the consonants are always seperated.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

7 Titik-titik $A(1, -1)$, $M(h, k)$ dan $B(7, 5)$ terletak pada satu garis lurus dengan keadaan $AM : AB = 1 : 3$ dan

h dan k ialah pemalar.

The points $A(1, -1)$, $M(h, k)$ and $B(7, 5)$ lie on a straight line such that $AM : AB = 1 : 3$ and h and k are constant.

(a) Cari nilai h dan k .

Find the values of h and k .

[2 markah/marks]

(b) Titik $C(x, y)$ bergerak dengan keadaan jarak titik C dari titik A dan dari titik B sentiasa sama. Cari persamaan lokus bagi titik bergerak C .


Point $C(x, y)$ moves such that the distance of point C from point A and from point B are always the same. Find the equation of locus of moving point C .

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 8 Rajah di bawah menunjukkan tiga segi tiga sama sisi yang pertama yang dibentuk daripada seutas dawai. Panjang dawai tersebut ialah 12.72 cm dan dipotong kepada beberapa bahagian untuk membentuk segi tiga sama sisi berikut.

The diagram below shows the first three equilateral triangles that were formed from a piece of wire. The length of the wire is 12.72 cm and it was cut into several parts to form the following equilateral triangles.



Rajah/Diagram 3

Tentukan bilangan segi tiga yang dapat dibentuk.

Determine the number of triangular can be formed.

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 9 (a) Diberi bahawa $\int_1^2 f(x) dx = 5$ dan $\int_2^5 f(x) dx = 8$, cari nilai bagi


It is given that $\int_1^2 f(x) dx = 5$ and $\int_2^5 f(x) dx = 8$, find the value of

- (i) $\int_1^5 f(x) dx$,
 (ii) $\int_1^2 [f(x) + x] dx$.

[3 markah/marks]

(b) Rajah 4 menunjukkan garis lurus PQ bersilang dengan lengkung $y = 4x^2$ pada titik $Q(3, 6)$.

Diagram 4 shows the straight line PQ intersects the curve $y = 4x^2$ at point $Q(3, 6)$.



Rajah/Diagram 4

Diberi bahawa luas kawasan berlorek ialah 33 unit^2 . Cari nilai k .

It is given that the area of shaded region is 33 units^2 . Find the value of k .

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 10 Rajah 5 menunjukkan keputusan suatu tinjauan, dengan keadaan X mewakili kamera yang mempunyai jangka hayat kurang daripada 3 tahun. Satu sampel yang terdiri daripada dua buah kamera dipilih secara

rawak.

Diagram 5 shows the result of a survey, where X represents the number of cameras with a life span of less than 3 years. A sample consists of two cameras is selected at random.

(a) Cari/Find

(i) $P(X < 1)$,

[2 markah/marks]

(ii) nilai a .


the value of a .

[1 markah/mark]

(b) Hitung bilangan kamera yang masih berfungsi selepas 3 tahun, jika 50 buah kamera daripada jenama yang sama digunakan.

Calculate the number of cameras which are still functioning after 3 years, if 30 cameras of the same brand are used.

[4 markah/marks]




Rajah/Diagram 5

Jawapan/Answer:

11 (a) (i) Pada Rajah 6, lorekkan kebarangkalian $1 - P(|Z| \leq k)$.

In Diagram 6, shade the probability of $1 - P(|Z| \leq k)$.



Rajah/Diagram 6

(ii) Seterusnya, jika $P(Z \geq k) = 0.0196$, cari nilai $1 - P(|Z| \leq k)$.

Hence, if $P(Z \geq k) = 0.0196$, find the value of $1 - P(|Z| \leq k)$.

[3 markah/marks]

(b) Diberi $X \sim N(a, b)$. Jika $X = a + 3$,

Given that $X \sim N(a, b)$. If $X = a + 3$,

(i) ungkapkan, dalam sebutan b , skor- z ,
express, in terms of b , z -score,

(ii) cari nilai skor- z , jika $b = 25$.

find the value of z -score, if $b = 25$.


[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 12 (a) Selesaikan persamaan $3 \sin x \cos x + 2 \cos x = 0$ untuk $0^\circ < x < 360^\circ$.
Solve the equation $3 \sin x \cos x + 2 \cos x = 0$ for $0^\circ < x < 360^\circ$.

[3 markah/marks]

- (b) Rajah 7 menunjukkan sebuah bulatan unit yang mewakili sudut 135° .
Diagram 7 shows a unit circle that represents an angle of 135° .



Rajah/Diagram 7

Cari nilai kosek (-45°) . Beri jawapan dalam bentuk \sqrt{a} .
Find the value of cosec (-45°) . Give your answer in the form of \sqrt{a} .

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

Bahagian B
Section B

[16 markah]
[16 marks]

Jawab **mana-mana dua** soalan.
Answer any two questions.

- 13** Sebuah kapal P dengan vektor kedudukan $\begin{pmatrix} 0 \\ 0 \end{pmatrix}$, bergerak dengan laju malar 52 km j^{-1} dalam arah yang sama dengan $\begin{pmatrix} -5 \\ 12 \end{pmatrix}$. Kapal Q pula dengan vektor kedudukan $\begin{pmatrix} 12 \\ 8 \end{pmatrix}$ bergerak dengan vektor halaju $\begin{pmatrix} -25 \\ 45 \end{pmatrix} \text{ km j}^{-1}$.

A ship P with the position vector $\begin{pmatrix} 0 \\ 0 \end{pmatrix}$, moves with a constant speed of 52 km h^{-1} in the same direction with $\begin{pmatrix} -5 \\ 12 \end{pmatrix}$.

The other ship Q with the position vector moves $\begin{pmatrix} 12 \\ 8 \end{pmatrix}$ with velocity vector of $\begin{pmatrix} -25 \\ 45 \end{pmatrix} \text{ km h}^{-1}$.

(a) Cari/Find

- (i) vektor halaju bagi kapal P ,
the velocity vector of ship P ,
- (ii) vektor kedudukan kedua-dua kapal itu, selepas bergerak t jam.
the position vector of both ship, after moving t hours.

[3 markah/marks]

(b) Menggunakan jawapan anda di **13(a)**, cari
Using answer in 13(a), find

- (i) vektor sesaran \vec{PQ} , pada masa t jam,
the displacement vector of \vec{PQ} , at t hours,
- (ii) nilai-nilai t , dalam jam, apabila jarak antara kapal P dan kapal Q ialah 2 km .
the values of t , in hours, when the distance between ship P and ship Q is 2 km .


[5 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 14 (a) Diberi $y = mx + \frac{3}{2}$ ialah tangen kepada lengkung $y = \frac{3x+2}{x^2-3}$ pada titik $R(1, k)$ dengan keadaan m dan k ialah pemalar.
 Given that $y = mx + \frac{3}{2}$ is the tangent to the curve $y = \frac{3x+2}{x^2-3}$ at point $R(1, k)$ such that m and k are constants.
- (i) Cari nilai m .
 Find the value of m .
- (ii) Seterusnya, cari persamaan normal pada titik R .
 Hence, find the equation of normal at point R .

[5 markah/marks]

- (b) Rajah 8 menunjukkan sebuah mangkuk berbentuk hemisfera yang mengandungi air sedalam h cm.
 Diagram 8 shows a bowl in the shape of hemisphere which contains water with a depth of h cm.



Rajah/Diagram 8

Isi padu, V cm³, bagi air di dalam mangkuk diberikan oleh $V = \frac{1}{3}\pi h^2(24 - h)$. Air dituangkan ke dalam mangkuk itu dengan kadar 6 cm³ s⁻¹. Hitung kadar kenaikan aras air itu apabila kedalamannya ialah 2 cm. Berikan jawapan anda dalam bentuk π .

The volume, V cm³, of water in the bowl is given by $V = \frac{1}{3}\pi h^2(24 - h)$. The water is poured into the bowl at a rate of 6 cm³ s⁻¹. Calculate the rate of increase of the depth of water when the depth is 2 cm. Give your answer in term of π .


[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 15 (a) Diberi $2 \ln(x-3) - \ln(x^2-x-6) = \ln e^3$. Cari nilai x .
 Given $2 \ln(x-3) - \ln(x^2-x-6) = \ln e^3$. Find the value of x .

[4 markah/marks]

- (b) Rajah 9 menunjukkan sebuah segi tiga sama kaki PQR dengan $PR = QR$.
 Diagram 9 shows an isosceles triangle PQR where $PR = QR$.



Rajah/Diagram 9

Diberi $PQ = (2 + 4\sqrt{3})$ cm dan tinggi, RS segi tiga itu ialah $(5 - \sqrt{3})$ cm. Cari
 Given $PQ = (2 + 4\sqrt{3})$ cm and the height, RS of the triangle is $(5 - \sqrt{3})$ cm. Find

- (i) luas segi tiga PQR , dalam bentuk $a + b\sqrt{3}$, dengan a dan b ialah integer,
 the area of triangle PQR , in the form $a + b\sqrt{3}$, where a and b are integers,
 (ii) $\tan \angle PQR$, dalam bentuk $c + d\sqrt{3}$, dengan keadaan c dan d ialah integer.
 $\tan \angle PQR$, in the form $c + d\sqrt{3}$, such that c and d are integers.

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

Bahagian A
Section A


[50 markah]
[50 marks]

Jawab **semua** soalan.
Answer **all** questions.

1 Diberi $gf(x) = 5x - 1$, $g^{-1}(x) = 3x - 3$ dan $f^{-1}(x) = \frac{x + 6}{3m}$.

Given $gf(x) = 5x - 1$, $g^{-1}(x) = 3x - 3$ and $f^{-1}(x) = \frac{x + 6}{3m}$.

(a) Lengkapkan ruangan (i) dan (ii) dalam Rajah 1 bagi menunjukkan pemetaan bagi dua fungsi.
Complete the space (i) and (ii) in Diagram 1 to show the mapping for two functions.



Rajah/Diagram 1

(b) Cari
Find

[2 markah/marks]

(i) nilai bagi m ,
the value of m ,

[3 markah/marks]

(ii) $g^2(x)$.

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 2 (a) Diberi $\cos^4 x + \sin^4 x = \frac{3}{7}$, tunjukkan bahawa $\sin 2x = 2\sqrt{\frac{2}{7}}$.

Given that $\cos^4 x + \sin^4 x = \frac{3}{7}$, show that $\sin 2x = 2\sqrt{\frac{2}{7}}$.

[2 markah/marks]

- (b) (i) Lakar graf bagi $y = |\sin 2x| - 3$ bagi $0 \leq x \leq 2\pi$.
Sketch the graph of $y = |\sin 2x| - 3$ for $0 \leq x \leq 2\pi$.


[3 markah/marks]

- (ii) Seterusnya, dengan menggunakan paksi yang sama, lakarkan graf yang sesuai untuk mencari bilangan penyelesaian bagi persamaan $|\sin 2x| = -\pi + 4$. Nyatakan bilangan penyelesaian itu.
Hence, using the same axes, sketch a suitable graph to find the number of solutions for the equation $|\sin 2x| = -\pi + 4$. State the number of solutions.

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 3 Rajah 2 menunjukkan kedudukan bagi Taman A dan Taman B yang dilukis pada satah Cartes. Diberi bahawa persamaan lengkung bagi Taman A dan Taman B ialah $x(y - 2) = 9y$ dan laluan pejalan kaki menghubungkan kedua-dua bahagian taman itu dengan garis $2y = x - 5$ pada titik A dan titik B.
- Diagram 2 shows the position for Park A and Park B drawn on Cartesian plane. It is given the equation of the curve for Park A and Park B is $x(y - 2) = 9y$ and the walkway connects the two parts of the park with line $2y = x - 5$ at point A and point B.*




Rajah/Diagram 2

Jika 1 unit mewakili 1 meter, cari jarak bagi AB.
If 1 unit represents to 1 meter, find the distance of AB.

[7 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 4 Rajah 3 menunjukkan sebuah segi empat $PQRS$. Titik A terletak di atas garis PQ .
Diagram 3 shows a rectangle $PQRS$. Point A lies on the line PQ .



Rajah/Diagram 3

Diberi $\vec{SP} = \underline{a}$, $\vec{SA} = 2\underline{a} + 2\underline{b}$, $\vec{SR} = 3\underline{b} - 3\underline{a}$, $PA = \frac{1}{n}PQ$ dan $RQ = mSA$ dengan keadaan m dan n ialah pemalar.

Given that $\vec{SP} = \underline{a}$, $\vec{SA} = 2\underline{a} + 2\underline{b}$, $\vec{SR} = 3\underline{b} - 3\underline{a}$, $PA = \frac{1}{n}PQ$ and $RQ = mSA$ such that m and n are constants.

- (a) Cari \vec{SQ} ,

Find \vec{SQ} ,

- (i) dalam sebutan \underline{a} , \underline{b} dan m .
in terms of \underline{a} , \underline{b} and m .

[3 markah/marks]

- (ii) dalam sebutan \underline{a} , \underline{b} dan n .
in terms of \underline{a} , \underline{b} and n .

[2 markah/marks]

- (b) Cari nilai m dan n .

Find the values of m and n .

[3 markah/marks]

- (c) Seterusnya, nyatakan \vec{SQ} .

Hence, state \vec{SQ} .

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

5 Pemboleh ubah x dan y dikaitkan dengan persamaan $y + 2x - 1 = 0$.

The variables x and y are related by the equation $y + 2x - 1 = 0$.

(a) Cari nilai maksimum A , dengan keadaan $A = 4x + xy - y^2$.

Find the maximum value of A for such that $A = 4x + xy - y^2$.

[5 markah/marks]

(b) Seterusnya, hitung perubahan kecil bagi A , apabila x berkurang dari 3 kepada 2.98.

Hence, calculate the small change for A , when x decreases from 3 to 2.98.

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

6 (a) Diberi $A(x_1, y_1)$, $B(x, y)$ dan $C(x_2, y_2)$. Jika $AB : BC = m : 2$, buktikan $x = \frac{2x_1 + mx_2}{m + 2}$.

Given $A(x_1, y_1)$, $B(x, y)$ and $C(x_2, y_2)$. If $AB : BC = m : 2$, prove that $x = \frac{2x_1 + mx_2}{m + 2}$.

[2 markah/marks]

(b) Cari nilai-nilai h jika $P(2, 1)$, $Q(6, h)$ dan $R(3h, 4.5)$ adalah segaris.


Find the values of h if $P(2, 1)$, $Q(6, h)$ and $R(3h, 4.5)$ are collinear.

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 7 Rajah 4 menunjukkan proses berulang yang menyambungkan antara titik tengah sisi segi empat sama untuk membentuk segi empat sama yang baru.

Diagram 4 shows the iterative process of connecting the middle points of the sides of the square to form a new square.



Rajah/Diagram 4

- (a) Tentukan panjang, dalam cm, sisi segi empat sama yang ketujuh.

Determine the length, in cm, of the side of the seventh square.

[3 markah/marks]

- (b) Cari hasil tambah luas, dalam cm^2 , segi empat sama apabila luas segi empat sama terakhir ialah

$$\frac{9}{64} \text{ cm}^2.$$

Find the sum of the area, in cm^2 , of the squares when the area of last square is $\frac{9}{64} \text{ cm}^2$.

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

Bahagian B
Section B

[30 markah]
[30 marks]

Jawab **mana-mana tiga** soalan.
Answer any three questions.

- 8 Jadual 1 menunjukkan nilai-nilai bagi dua pemboleh ubah, x dan y , yang diperolehi daripada suatu eksperimen. Pemboleh ubah x dan y dihubungkan oleh persamaan $y^2 = ax(b - x)$, dengan keadaan a dan b ialah pemalar. Table 1 shows the values of two variables, x and y , obtained from an experiment. The variables x and y are related by the equation $y^2 = ax(b - x)$, where a and b are constants.

x	1	2	3.5	4	5	6
y	3.35	4.17	4.75	4.67	4.43	2.96

Jadual/Table 1

- (a) Plotkan graf $\frac{y^2}{x}$ melawan x , menggunakan skala 2 cm kepada 1 unit pada paksi- x dan 2 cm kepada 2 unit pada paksi- $\frac{y^2}{x}$. Seterusnya, lukis garis lurus penyesuaian terbaik.

Plot the graph $\frac{y^2}{x}$ against x , using a scale of 2 cm to 1 unit on the x -axis and 2 cm to 2 units on the $\frac{y^2}{x}$ -axis.

Hence, draw the line of best fit.

[4 markah/marks]

- (b) Dengan menggunakan graf di 8(a),

By using the graph in 8(a),

- (i) cari nilai y bila $x = 1.38$,

find the value of y when $x = 1.38$,

- (ii) cari nilai x bila $\frac{y^2}{x} = 8.65$,

find the value of x when $\frac{y^2}{x} = 8.65$,

- (iii) tulis $y^2 = ax(b - x)$ dalam bentuk linear, seterusnya cari nilai a dan b .

write $y^2 = ax(b - x)$ in the linear form, hence find the values of a and b .

[6 markah/marks]

Jawapan/Answer:



- 9 (a) Satu tinjauan di sebuah bandar menunjukkan bahawa 30% daripada penduduk mempunyai motosikal. Cari bilangan minimum penduduk yang dipilih supaya kebarangkalian mendapat sekurang-kurangnya seorang penduduk mempunyai motosikal lebih besar daripada 0.9.

A survey in a city shows that 30% of residents have a motorcycle. Find the minimum number of selected residents so that the probability of getting at least a person with a motorcycle is greater than 0.9.

[5 markah/marks]

- (b) Isi padu minyak masak yang dihasilkan oleh kilang bertaburan secara normal dengan min 20 ℓ dan sisihan piawai 2 ℓ.

The volume of cooking oil produced by the factory is normally distributed with a mean of 20 ℓ and a standard deviation of 2 ℓ.

Cari

Find

- (i) kebarangkalian bahawa minyak masak yang dipilih secara rawak mempunyai isi padu kurang daripada 23 ℓ.

the probability that a cooking oil chosen at random has volume of less than 23 ℓ.


- (ii) nilai m jika 70% minyak masak mempunyai isi padu lebih daripada 700 mL.

the value of m if 70% of cooking oil have volume of more than 700 mL.

[5 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 10 Rajah 5 menunjukkan sebuah sektor bulatan OGH berpusat O dan berjejari 18 cm.
 Diagram 5 shows a sector of a circle OGH with centre O and radius 18 cm.



Rajah/Diagram 5


Titik tengah OG ialah K dan KL selari dengan garis OH . Garis LM berserenjang dengan garis OH pada titik M . Diberi panjang lengkok HLG ialah 27 cm, cari

The midpoint of OG is K and KL is parallel to line OH . Line LM is perpendicular to line OH at point M . Given the length of arc HLG is 27 cm, find

- (a) $\angle GOH$ dalam radian,
 $\angle GOH$ in radians, [2 markah/marks]
- (b) panjang, dalam cm, LM ,
 the length, in cm, of LM , [2 markah/marks]
- (c) $\angle LOM$, dalam radian,
 $\angle LOM$, in radians, [2 markah/marks]
- (d) luas, dalam cm^2 , kawasan berlorek.
 the area, in cm^2 , of the shaded region. [4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 11 Rajah 6 menunjukkan lengkung $y = -x^2 + 21$ dan bersilang dengan garis lurus $y = 3x + 3$ pada titik M .
Diagram 6 shows a curve $y = -x^2 + 21$ which intersects the straight line $y = 3x + 3$ at point M .



Rajah/Diagram 6

Cari

Find

- (a) nilai h ,
the value of h , [1 markah/mark]
- (b) luas rantau berlorek,
the area of the shaded region, [4 markah/marks]
- (c) isi padu janaan apabila rantau berlorek diputar 360° pada paksi- y .
the volume generated when the shaded region is rotated through 360° about the y -axis. [5 markah/marks]


Jawapan/Answer:

Bahagian C
Section C

[20 markah]
[20 marks]

Jawab **mana-mana dua** soalan.
Answer any two questions.

- 12 Rajah 7 menunjukkan sebuah kuboid dengan panjang 12 cm, lebar 9 cm dan tinggi 7 cm. M ialah titik pada PQ dengan keadaan $\angle PMW = \angle RMQ = \alpha^\circ$.
Diagram 7 shows a cuboid with length 12 cm, width 9 cm and height 7 cm. M is a point on PQ such that $\angle PMW = \angle RMQ = \alpha^\circ$.



Rajah/Diagram 7

Hitung

Calculate

(a) $\tan \alpha^\circ$,

[2 markah/marks]

(b) $\angle RMW$,

[6 markah/marks]

(c) luas, dalam cm^2 , segi tiga RMW .
the area, in cm^2 , of triangle RMW .

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 13** Universiti Unggul telah membuat soal selidik berkaitan bahan bacaan yang diminati oleh pelajar bidang sains dan bidang kejuruteraan. Bilangan pelajar bidang sains ialah x dan bilangan pelajar bidang kejuruteraan ialah y . Soal selidik yang dijalankan perlu memenuhi kekangan berikut:

Universiti Unggul has made a questionnaire related to favourite reading material that students of science and engineering are interested in. The number of science students is x and the number of engineering students is y . The questionnaire conducted must satisfy the following constraints:

- I Jumlah pelajar yang disoal selidik adalah selebih-lebihnya 600.
The number of students who were surveyed at most 600.
- II Bilangan pelajar bidang kejuruteraan sekurang-kurangnya 80 orang lebih daripada bilangan pelajar jurusan sains.
The number of engineering students is at least 80 more than the number of science students.
- III Bilangan pelajar kejuruteraan tidak melebihi dua kali bilangan pelajar sains.
The number of engineering students does not exceed two times the number of science students.

- (a) Tulis tiga ketaksamaan, selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan yang diberi.

Write three inequalities, other $x \geq 0$ and $y \geq 0$, which satisfy all the given constraints.

[3 markah/marks]

- (b) Dengan menggunakan skala 2 cm kepada 50 pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau R yang memenuhi kekangan yang diberi.

Using a scale of 2 cm to 50 on both axes, construct and shade the region R that satisfies all the given constraints.

[3 markah/marks]


- (c) Dengan menggunakan graf anda di 14(b), cari

By using your graph in 14(b), find

- (i) julat bilangan pelajar dalam bidang sains,
the range of the number of science students,
- (ii) nilai hadiah minimum, jika pelajar yang telah selesai menjawab soal selidik diberi hadiah bernilai RM5 bagi bidang sains dan RM4 bagi bidang kejuruteraan.
the minimum prize value, if students who have completed answering the questionnaire given a prize worth RM5 for the science student and RM4 for the engineering student.

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:



- 14 Jadual 2 menunjukkan indeks harga pada tahun 2020 berasaskan tahun 2017 bagi empat jenis bahan P , Q , R dan S yang digunakan dalam penghasilan sebuah beg serta pemberat masing-masing.
Table 2 shows the price index in the year 2020 based on the year 2017 of the four items, P , Q , R and S used in the production of a bag and their weightages.

Bahan Material	Indeks harga pada tahun 2020 berasaskan pada tahun 2017 <i>The price index in the year 2020 based on the year 2017</i>	Pemberat Weightage
P	110	$0.2m$
Q	148	0.3
R	110	0.1
S	120	m

Jadual/Table 2

- (a) Diberi bahawa harga barang Q ialah RM4.00 pada tahun 2017, hitung harganya pada tahun 2020.
It is given that the price of material Q is RM4.00 in the year 2017, calculate its price in the year 2020.
 [2 markah/marks]
- (b) Diberi bahawa indeks gubahan pada tahun 2020 berasaskan tahun 2017 ialah 128.95, cari nilai m .
It is given that the composite index for the year 2020 based on the year 2017 is 128.95, find the value of m .
 [2 markah/marks]
- (c) Cari harga sebuah beg pada tahun 2017 jika harganya yang sepadan pada tahun 2020 ialah RM48.00.
Find the price of a bag in the year 2017 if corresponding price in the year 2020 is RM48.00.
 [2 markah/marks]
- (d) Diberi bahawa bahan R meningkat sebanyak 18% dari tahun 2020 ke tahun 2023, manakala harga bagi bahan lain tidak berubah. Hitung indeks gubahan sebuah beg itu pada tahun 2023 berasaskan tahun 2017.
It is given that the price of material R is increase by 18% from the year 2020 to the year 2023, while the other materials remain unchanged. Calculate the composite index of a bag for the year 2023 based on the year 2017.
 [4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- 15 Suatu zarah bergerak di sepanjang satu garis lurus dan melalui titik tetap O . Halajunya, v m s⁻¹ diberi oleh $v = t^2 - 7t + 6$, dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas melalui O . Zarah itu berhenti seketika di P dan kemudian di Q .

A particle moves along a straight line and passes through a fixed point O . Its velocity, v m s⁻¹ is given by $v = t^2 - 7t + 6$, where t is the time, in seconds, after passing through O . The particle comes to instantaneous rest, first at P and then at Q .

[Anggap gerakan ke kanan sebagai positif]

[Assume motion to the right is positive]

Cari

Find

- (a) halaju awal, dalam m s⁻¹,
the initial velocity, in m s⁻¹, [1 markah/mark]
- (b) halaju minimum, dalam m s⁻¹,
the minimum velocity, in m s⁻¹, [2 markah/marks]
- (c) julat nilai t ketika zarah itu bergerak ke kiri,
the range of values of t during the particle moves to the left, [2 markah/marks]
- (d) jarak, dalam m, PQ ,
the distance, in m, PQ , [3 markah/marks]
- (e) jumlah jarak, dalam m, yang dilalui oleh zarah itu dalam 8 saat pertama selepas melalui O .
the total distance, in m, travelled by the particle in the first 8 seconds after passing through O . [2 markah/marks]

Jawapan/Answer:



MALAYSIA
MADANI #KitaSelangor

PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR 2024

KATA ALUAN YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) merupakan antara program pendidikan unggul Kerajaan Negeri Selangor yang menyediakan kelas tambahan percuma kepada pelajar Tingkatan 5 dalam enam subjek utama iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Matematik Tambahan, Sains, dan Sejarah.

Bagi membolehkan para pelajar memulakan persediaan lebih awal bagi menghadapi peperiksaan SPM, kini PTRS akan disebarluaskan kepada pelajar Tingkatan 4 dalam enam subjek ini yang bakal memanfaatkan seramai 130,000 pelajar.

Sejak dilancarkan pada tahun 2012 dengan skala yang lebih kecil dan berlangsung secara fizikal, modul latihan PTRS telah dibangunkan secara dalam talian semenjak pandemik COVID-19 bagi memudahkan urusan para guru dan pelajar. Ini telah membolehkan seramai 271,000 pelajar memanfaatkan modul PTRS yang dapat diakses melalui aplikasi mudah alih sama ada telefon ataupun tablet.




YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI

DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Bagi menjayakan Program Tuisyen Rakyat Selangor tahun ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM10 juta yang akan dibiayai dan dilaksanakan secara bersama oleh Jawatankuasa Tetap Pendidikan dan Modal Insan Negeri Selangor dan Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI).

Saya yakin usaha ini akan mengukuhkan kemampuan dan daya saing anak Selangor untuk berjaya dalam pencapaian akademik sebagai asas untuk masa depan yang lebih cerah serta kapasiti lebih tinggi untuk mereka bersaing dengan pekerja dari negara maju.

Sumbangan mereka pada masa hadapan amat penting untuk membolehkan negeri Selangor mencapai kemajuan mampan sebagai negeri barisan hadapan Malaysia.

 ePTRS.my

Imbas kod QR
untuk ketahui lebih
lanjut tentang MBI



Imbas kod QR
untuk mendapatkan
jawapan



Koleksi
Video PdP

